

Isi tempat kosong dengan akronim yang tepat berdasarkan pilihan jawapan yang diberi

Proton	cerpen	Bernama	Perkeso	pawagam
gimrama	Mara	Jakim	jenama	senamrobik

1. Kakak mendapat tajaan daripada _____ untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun dalam bidang kejuruteraan.
2. Berita pembunuhan ahli perniagaan itu dilaporkan oleh _____.
3. _____ merupakan syarikat pengeluar kereta nasional pertama negara kita.
4. Kakak berbakat dalam penulisan _____ dan hasil karyanya pernah disiarkan oleh majalah Dewan Sastera.
5. Kami menonton filem animasi Upin Ipin Keris Siamang Tunggal di _____ berhampiran.
6. Farah Anne pernah megharumkan nama negara apabila melakar sejarah memenangi pingat emas dalam acara _____ yang dipertandingkan di peringkat antarabangsa.
7. _____ merupakan badan yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil halal.
8. _____ memberi perlindungan kepada pencarum yang mengalami kemalangan sewaktu bekerja.
9. Kakak membeli beg _____ Bonia.
10. Setiap pagi kakak akan melakukan _____ supaya kekal sihat.

